

SET 2
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1 : Morfologi

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan perkataan yang bergaris, kenal pasti **kata dasar** bagi perkataan tersebut. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata dasar** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Malaysia mempunyai kepelbagaian makanan yang semakin dikenali di seluruh dunia. Setiap jenis makanan yang disajikan mempunyai rasanya yang tersendiri. Warisan masakan Malaysia yang diambil daripada pelbagai budaya masyarakatnya mempunyai keunikan masing-masing. Masakan tradisi Malaysia ini sebenarnya menjadi daya tarikan pelancong di Malaysia. Misalnya, nasi kerabu terkenal di Kelantan manakala ambuyat pula terkenal di negeri Sabah. Tambahan pula, pada era digital ini pelbagai jenis makanan tradisi boleh didapati dengan mudah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Warna-warni Makanan Tradisi Malaysia'
oleh Kalam Jambu,
Dewan Siswa, Bil 9, 2021
[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti **tiga** ayat majmuk, kemudian cerakinkan **ayat-ayat majmuk** tersebut menjadi **enam ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Diet telur telah menjadi topik perbincangan warga maya sejak akhir-akhir ini kerana menjamin penurunan berat badan. Mereka percaya diet telur mampu menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Diet ini berasaskan pengambilan telur sebagai makanan utama dan pemilihan makanan rendah kalori. Diet telur tidak memerlukan masa penyediaan terlalu lama tetapi memerlukan kawalan saiz hidangan. Penggemar diet ini hanya perlu memastikan telur menjadi hidangan utama dalam menu mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Realiti dan Mitos Diet Telur'
oleh Ahmad Naufal Mohd Johan,
Dewan Kosmik, Bil 02, 2025
[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Dalam petikan di bawah terdapat **beberapa kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu panduan yang guru gunakan dan individu yang terlibat dalam sektor pendidikan. Pihak kerajaan telah menggariskan banyak perkara untuk mencorak jati diri murid secara holistik. Setiap murid perlu mempunyai beberapa ciri utama termasuklah kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan identiti nasional. Selain itu, kemahiran dwi-bahasa turut diberikan penekanan untuk melahirkan murid yang berkaliber. PPPM turut tekankan bahawa murid digalakkan untuk meneroka bidang kesenian. Hal ini dikatakan demikian kerana seni merupakan satu bidang yang sangat besar dan mampu memberi peluang kepada murid untuk menjana pendapat.

Dipetik dan diubah suai daripada
Seni Mewarnai Kehidupan
oleh Farah Dayana Mohd Jufry,
Dewan Siswa, Bil 07, 2021

[6 markah]

Bahan 2

Peraturan berkaitan kesihatan dan keselamatan pekerja hendaklah diketatkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Hal ini dikatakan demikian kerana pekerja sektor pembinaan sering terdedah pada pelbagai aktiviti yang membahayakan keselamatan. Ketidakelesaan bekerja dalam persekitaran yang terlalu panas atau sejuk juga dikaitkan dengan simptom strok haba. Perlaksanaan kaedah pencegahan kemalangan di tapak pembinaan amat penting untuk mengurangkan risiko kemalangan. Perkara-perkara lain yang perlu majikan ambil perhatian juga termasuklah kebajikan dan sokongan emosi pekerja. Majikan yang cakna tentang hal ini dapat meningkatkan produktiviti pekerja sekali gus memberi impak positif kepada syarikat.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
Oleh Siti Nasuha Zainudin,
Dewan Siswa, Bil 09, 2021

[5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, “Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung.”

Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Betara itu.”

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[4 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Jualan langsung merupakan satu kaedah menjual barangan kepada pelanggan. Ejen-ejen jualan akan berjalan dari rumah ke rumah untuk mempromosikan barangan mereka dengan harga yang kononnya lebih murah daripada harga di pasaran. Walaupun pihak berkuasa telah memberikan peringatan melalui media massa berkenaan taktik penipuan ini, namun usaha mereka hanya sia-sia. Pengguna perlu berhati-hati apabila menerima kedatangan ejen-ejen ini supaya tidak menyesal kerana terpedaya membeli barangan yang tidak berkualiti. Sesetengah ejen juga mempunyai niat yang tidak baik apabila mereka mula mempromosikan barangan mereka kepada warga emas.

Sumber : Internet
[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6: Petikan umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Integriti mempunyai pertalian rapat dengan rasuah. Aktifnya gejala rasuah merupakan cerminan lemahnya pengamalan integriti dan begitulah sebaliknya. Tidak dapat dinafikan isu integriti ini ialah perkara yang sangat mencabar untuk diperjuangkan oleh kerajaan kerana cabaran-cabaran dari dalam negara itu sendiri sangat mempengaruhi seperti perubahan aturan politik kepartian dalam menentukan hala tuju dasar negara. Halangan lain dalam mengatasi isu integriti ialah peningkatan skandal rasuah berprofil tinggi di Malaysia.

Bagi menangani cabaran tersebut, pihak kerajaan melihat terdapat beberapa saranan yang sesuai dilakukan dalam tempoh terdekat namun bersifat jangka panjang. Pihak kerajaan perlu menyemak Pelan Antirasuah Nasional dengan memastikan usaha membudayakan integriti dalam masyarakat diteruskan dengan penyelarasan yang lebih baik. Sokongan daripada rakyat yang kukuh amat diperlukan di samping pematuhan integriti oleh sektor awam dan swasta.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengurusan Integriti di Malaysia'

Oleh Muhammad Ariff Adnan,
Sinar Harian, Julai 2025

Bahan 2

KUALA LUMPUR: Integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban antara nilai utama yang perlu dimantapkan dalam kalangan penjawat awam untuk menghadapi cabaran semasa dan merealisasikan aspirasi rakyat. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Anesee Ibrahim, pihak atasan perlulah menjadi contoh terbaik kerana nilai integriti memainkan peranan penting sebagai asas dalam kerangka reformasi.

"Saya ingin mencadangkan bahawa pengukuhan bagi isu integriti termasuklah pemantapan pendidikan etika dan moral semasa bertugas serta individu mengamalkan nilai agama yang tinggi. Seterusnya kita mengharapkan isu-isu ketirisan dan keculasan akan berkurang atau menjadi hampir kosong, ini akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan," katanya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Integriti Nilai Utama Penjawat Awam,
Astro Awani, November 2024

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah cabaran-cabaran dalam menangani isu integriti?

[2 *markah*]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **usaha** yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan nilai integriti dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

[3 *markah*]

- (iii) Nilai integriti yang tinggi menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup.

Pada pendapat anda, apakah kesan apabila nilai integriti tidak lagi diamalkan oleh masyarakat?

[4 *markah*]

- (iv) Anda mendapat tahu bahawa rakan anda meniru semasa peperiksaan. Perbuatan ini telah melanggar peraturan sekolah.

Sebagai murid yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang perlu anda ambil supaya kejadian ini tidak berulang?

[3 *markah*]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bahang panas petang sudah beransur kurang. Bayang-bayang kelihatan semakin panjang. Di atas trek sudah banyak pelari yang sedang membuat latihan bersendirian untuk *memanaskan badan* sebelum memulakan larian bagi melatih ketahanan mental dan fokus yang tinggi. Berbagai-bagai cara dan gaya.

Di satu sudut, Encik Kadir yang menjadi jurulatih mereka masih berbual-bual dengan penolongnya, Encik Subramaniam. Sures mula memanaskan badan. Dia membuka jaketnya. Mula-mula, dia melompat-lompat dan berlari-lari anak. Seketika kemudian dia memecut pantas ke hadapan dengan membongkokkan kepala. Lantas berhenti secara mengejut. Melompat-lompat lagi. Dia mendongakkan mukanya sambil menyedut nafas baharu sebelum memanaskan badan untuk memecut laju buat kali kedua.

Dipetik daripada novel 'Pelari Muda'
oleh Ghazali Ngah Azia,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Pantun Gaya Hidup Sihat

Aktiviti giat semangat terlihat,
Bersama teman menjaga diri,
Badan kuat minda sihat,
Kekal senaman setiap hari.

Banyak kepentingan menyemai bakti,
Teguran nasihat menjadi bualan,
Kukuh hubungan bersatu hati,
Hidup sihat suburkan amalan.

Kain selempang bersulam indah,
Bertudung litup sungguh pesona,
Masa lapang penuhi riadah,
Gaya hidup sihat sempurna.

Roziyah Ismail
Pasir Gudang

Bahan 3

Seloka Mari Bersukan

Mari sertai sukan sekolah,
Kurang perkara tak berfaedah.

Beriadah bersenam amalan mulia,
Badan sihat kekal bahagia.

Bersukan gaya hidup sihat,
Hati gembira jadi maslahat.

AZ.ND
Johor Bahru

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *memanaskan badan*. [2 markah]
- ii. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan faedah-faedah aktiviti riadah kepada masyarakat. [4 markah]
- iii. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan peningkatan kadar obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia disebabkan masyarakat kurang melakukan aktiviti fizikal seperti beriadah.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca masyarakat kurang melibatkan diri dalam aktiviti riadah? [3 markah]
- iv. Program Larian Sihat dan Santai yang dianjurkan oleh sekolah anda kurang mendapat sambutan daripada murid-murid terutamanya murid tingkatan lima.

Sebagai ketua murid, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menggalakkan penglibatan murid-murid dalam program ini? [4 markah]

Soalan 8: Novel

Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Kalaupun askar Melayu dibekali peralatan senjata yang cukup, kita juga boleh mempertahankannya,”kata Sarjan Hasan penuh semangat.

“Harap-harap kita peroleh khabar gembira daripada persidangan mereka di Manila nanti. Jika mahu diharapkan pertahanan yang sedia ada, British tidak berupaya menyekat kemaraan pihak musuh. Tambahan pula, askar Melayu kekurangan bekalan senjata,”Leftenan Adnan juga melahirkan rasa gusarnya.

“Benar, tuan. Askar Melayu cuma dibekali senjata ringan. Senjata berat seperti meriam dan kapal terbang cuma dimiliki askar British dan yang lebih membimbangkan saya ...”

“Kita kekurangan peluru. Bukankah itu yang awak maksudkan?” duga Leftenan Adnan. Bukan saja peluru, tuan tetapi juga makanan dan air! Itu yang saya bimbangi.”

“Saya sudah minta bekalan tambahan daripada pihak atasan. Mungkin esok atau lusa sampai.”

Dipetik daripada novel Leftenan Adnan Wira Bangsa
karya AbdulLatip bin Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah kekurangan yang dihadapi oleh askar Melayu untuk menghadapi serangan tentera Jepun?

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Bebi Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang meninggalkan kesan terhadap perasaan pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9: Rumusan

*Baca petikan dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.*

Bahan 1

Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan kes 20 orang murid perempuan sekolah menengah di Melaka menerima rawatan selepas disyaki mengalami keracunan makanan yang berpunca daripada hidangan nasi goreng di kantin sekolah. Isu keracunan makanan ini merupakan perkara yang serius dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Dalam hal ini, pengendalian makanan yang tidak cermat telah menyebabkan keracunan makanan.

Tidak dapat dinafikan bahawa aspek pemakanan penting dalam memastikan kesihatan diri berada pada tahap terbaik. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa kesihatan perlu meningkatkan pemantauan melalui pemeriksaan berkala dan tidak berkala di premis-premis makanan. Sikap tegas dan konsisten dalam pengawasan akan memastikan tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang tinggi pada setiap masa. Selain itu, kelalaian dalam penyimpanan dan penyediaan makanan juga menyumbang kepada keracunan makanan. Hal ini dikatakan demikian kerana makanan yang tidak disimpan pada suhu sepatutnya atau terdedah terlalu lama pada suhu bilik berisiko tinggi tercemar. Bagi mengelakkan kejadian sebegini berlaku, semua pengendali makanan perlu menjalani latihan dalam pengendalian makanan selamat seperti teknik pembersihan dan penyimpanan makanan dengan cara yang betul.

Dalam isu keselamatan makanan ini, kita perlu melihat sikap manusia yang menyebabkan berlakunya keracunan. Sikap tidak peduli terhadap kebersihan menjadi punca utama keracunan makanan. Bakteria berbahaya seperti Salmonella akan mencemarkan makanan jika tangan tidak dicuci dengan betul sebelum menyediakan makanan. Realitinya, isu keracunan makanan memerlukan tindakan segera dan bersepadu daripada pelbagai pihak. Pihak berkuasa kesihatan boleh menjalankan audit keselamatan makanan di premis-premis makanan. Hasil audit perlu digunakan untuk menambah baik prosedur dan amalan pengendalian makanan. Dengan usaha bersama dan sikap bertanggungjawab, tahap keselamatan makanan pasti terjamin. Kesimpulannya, kualiti hidup masyarakat sentiasa terpelihara jika aspek keselamatan makanan diutamakan.

Dipertik dan diubah suai daripada
'KKM perlu Buat Audit Keselamatan Makanan'
Oleh Prof Madya Dr Mohamad Nizam Nazarudin
BH Online, 15 Jun 2024

Bahan 2

Syair Keracunan Makanan

Makanan lazat penuh sedulang,
Enak dinikmati bukan kepalang,
Sering diabai pencemaran silang,
Jadi keracunan nasiblah malang.

Pelbagai menu enak disajikan,
Juadah minuman atau masakan.
Air bersih tidak digunakan,
Keracunan datang tak boleh elakkan.

Wahai saudara ingatlah pesanan,
Makan dan minum asas kesihatan,
Keselamatan makanan jadi keutamaan,
Tiada keracunan indah senyuman,

Nukilan
Anggerik Rimba
Johor, 2025

Bahan 3



KERTAS SOALAN TAMAT